

Kod Pusat	
Angka Giliran	
No. KP	

AP

Kelolaan Bersama

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

dengan

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH
2018**

ATURAN PEJABAT

Masa: 1 jam

ARAHAN:

1. Tulis Kod Pusat, Angka Giliran dan Nombor Kad Pengenalan (No. KP) kamu di dalam kotak yang disediakan.
2. Jangan dibuka buku soalan ini sehingga kamu diarahkan boleh berbuat demikian.
3. Baca dan fahamkan soalan-soalan yang diberikan sebelum kamu mula menjawab.
4. Kamu mestilah menjawab semua soalan.

UNTUK KEGUNAAN PEMARKAH SAHAJA

No. Kod Pemarkah	
------------------	--

Markah

1. Nyatakan perkara-perkara berikut dengan mengisi tempat-tempat kosong yang telah disediakan.

- (a) Penilaian prestasi di tahap _____ selama dua (2) tahun berturut-turut adalah salah satu peraturan dan syarat bagi permohonan pelanjutan Mata Gaji EB Khas.
- (b) Waktu bekerja adalah minimum _____ sehari, dari Isnin hingga Khamis dan Sabtu.
- (c) Sebelum dilantik berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, seseorang calon dikehendaki terlebih dahulu menjalani _____ serta mendapat Sijil Pengakuan Kesihatan dari Doktor Kerajaan.
- (d) Penguasa Tatatertib bagi pekerja-pekerja Bergaji Hari adalah _____.
- (e) Terdapat _____ jenis perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam.
- (f) Kadar kurnia Elaun Khas bagi kakitangan Bahagian IV dan V adalah sebanyak _____ sebulan.
- (g) Elaun _____ boleh dibayar kepada semua pegawai (termasuk kakitangan Bergaji Hari) yang menjalankan tugas di dalam negeri dan tinggal bermalam di luar dari kawasan tempatnya bertugas.
- (h) Pekerja Tingkat III dalam perkhidmatan Bergaji Hari yang telah berkhidmat satu (1) tahun berhak mendapat Cuti Tahunan sebanyak _____ setiap tahun.
- (i) Pegawai-pegawai di Bahagian I, II dan III adalah dimestikan untuk mengambil _____ selama empat belas (14) hari bagi setiap satu (1) tahun perkhidmatan.
- (j) Seorang pekerja Bergaji Hari yang telah berkhidmat selama lima (5) tahun hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya di tahap _____ tiga (3) tahun kebelakangan untuk melayakkan beliau disokong ke perkhidmatan *Open Vote*.

[20 markah]

2. Soalan-soalan berikut adalah mengenai dengan **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN AM.**

- (a) (i) Apakah **fungsi** dan **kepentingan** pengurusan Perkhidmatan Kaunter?

[2 markah]

- (ii) Apa yang **dimaksudkan** dengan Kaunter Utama?

[2 markah]

- (b) Pengurusan Perkhidmatan Kaunter yang **berkesan** menitikberatkan beberapa aspek bagi memberikan perkhidmatan yang baik dan berkesan kepada pelanggan. Nyatakan **empat (4)** aspek tersebut.

(i)

(ii)

(iii)

(iv)

[8 markah]

- (c) Pengurusan Perkhidmatan Kaunter yang **kurang berkesan** akan memberikan perkhidmatan yang tidak teratur. Nyatakan **empat (4)** aspek yang boleh **menjejaskan** perkhidmatan tersebut.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

[8 markah]

[20 markah]

3. Soalan-soalan berikut adalah mengenai dengan **TATACARA PERHUBUNGAN PERSURATAN DALAM KEMENTERIAN/JABATAN.**

- (a) Di manakah **Pusat Perjumpaan** setempat bagi penghantaran atau penerimaan surat-surat antara satu Kementerian/Jabatan dengan Kementerian/Jabatan yang lain?

[2 markah]

- (b) Perhubungan secara elektronik untuk urusan-urusan rasmi Kerajaan adalah diterima pakai sebagai prosedur perhubungan sesama agensi Kerajaan dan dengan pihak Swasta serta orang ramai. Nyatakan **dua (2)** jenis **Persuratan Elektronik** tersebut.

- (i) _____
- (ii) _____

[4 markah]

- (c) Sila isikan **jenis persuratan** yang digunakan dalam perhubungan di antara Kementerian/Jabatan Kerajaan.

BIL	ANTARA	DENGAN	JENIS PERSURATAN
(i)	Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan.	Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan.	_____
(ii)	Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.	Pengarah Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.	_____
(iii)	Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri.	Pengarah Radio Televisyen Brunei, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri.	_____
(iv)	Ketua Pengarah Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.	Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan.	_____
(v)	Pengarah Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.	Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.	_____

[10 markah]

- (d) Seorang Kerani diarahkan untuk membuat persuratan ke Jabatan-jabatan berikut. Sila nyatakan **gelaran Ketua Jabatan** bagi Jabatan-jabatan berkenaan.

BIL	JABATAN	GELARAN KETUA JABATAN
(i)	Jabatan Perbendaharaan.	_____
(ii)	Jabatan Perkhidmatan Awam.	_____

[4 markah]

[20 markah]

4. Soalan-soalan berikut adalah berkaitan dengan **HAL EHWAL CUTI** dalam Perkhidmatan Awam.

(a) Cuti Batuk Kering hanya diberikan kepada pegawai-pegawai yang menghidap Penyakit Batuk Kering sahaja. Sila nyatakan **tiga (3) Jawatan sahaja** dari empat (4) jawatan yang dibenarkan mengambil Cuti Batuk Kering.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[6 markah]

(b) Cuti Beranak diberikan kepada pegawai dan kakitangan perempuan di dalam Perkhidmatan Awam yang **sah berkahwin** disisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

(i) Berapakah jumlah **hari** Cuti Beranak yang diberikan?

(ii) Nyatakan **syaratnya**.

[4 markah]

(c) Berikan **tiga (3)** sahaja **kegiatan-kegiatan** yang membolehkan warga Perkhidmatan Awam diberikan **Cuti Tanpa Catat**.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[6 markah]

Lihat sebelah

- (d) Bagi warga Perkhidmatan Awam yang mengambil Cuti Tahunan melebihi **30 hari**, beberapa **elaun tidak akan diterima** dalam tempoh cuti berkenaan. Sila nyatakan **dua (2)** sahaja jenis elaun berkenaan.

(i) _____

(ii) _____

[4 markah]

[20 markah]

5. Huraikan dengan jelas perkara-perkara berikut:

(a) Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS).

[6 markah]

(b) Tanda Nama (*Name Tag*).

[6 markah]

(c) Peraturan dalam Cuti Rehat atau Cuti Sebelum Bersara.

[4 markah]

(d) Permohonan keluar negeri.

[4 markah]

[20 markah]

JUMLAH MARKAH	
---------------	--

SELESAI